



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR  
Malaysia France Institute**

---

**FINAL EXAMINATION  
SEPTEMBER 2013 SESSION**

---

<b>SUBJECT CODE</b>	<b>:</b>	<b>FRB40902</b>
<b>SUBJECT TITLE</b>	<b>:</b>	<b>THERMODYNAMICS AND HEAT TRANSFER</b>
<b>LEVEL</b>	<b>:</b>	<b>BACHELOR</b>
<b>TIME / DURATION</b>	<b>:</b>	<b>9.00 am – 12.00 noon ( 3 HOURS )</b>
<b>DATE</b>	<b>:</b>	<b>09 JANUARY 2014</b>

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

---

1. Please read the instructions given in the question paper **CAREFULLY**.
  2. This question paper is printed on both sides of the paper.
  3. Please write your answers on the answer booklet provided.
  4. Answer should be written in blue or black ink except for sketching, graphic and illustration.
  5. This question paper consists of **TWO (2)** sections. Section A & Section B. Answer all questions in Section A. Section B, answer two(2) questions only.
  6. Answer all questions in English.
- 

**THERE ARE 4 PAGES OF QUESTIONS, EXCLUDING THIS PAGE.**

---

**BAHAGIAN A (Jumlah: 30 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.**

- 1.. Pilih pernyataan yang **salah** tentang konsep ilmu dalam Islam.
  - A. Manusia perlukan ilmu untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.
  - B. Semua ilmu adalah milik Allah SWT yang dikurniakan kepada manusia.
  - C. Manusia memperolehi ilmu melalui daya usahanya bekerja dan berfikir.
  - D. Manusia memperolehi ilmu hanya melalui kurniaan Allah SWT.
  
2. “Ilmu bukanlah diukur melalui banyaknya meriwayatkan hadis, tetapi seseorang itu dikatakan berilmu apabila ia beramal dengan ilmu yang dimilikinya”.  
Ungkapan di atas adalah kata-kata daripada tokoh berikut.
  - A. Ali bin Abi Talib.
  - B. Umar bin al-Khattab.
  - C. Abu Bakar bin Al-Siddiq.
  - D. Uthman bin Affan.
  
3. Berikut ialah ilmu-ilmu yang berasaskan wahyu daripada Allah SWT **kecuali**
  - A. Al-Qur’an.
  - B. Hadis Qudsi.
  - C. Hadis Kursi.
  - D. Al-Sunnah.
  
4. Berikut ialah beberapa bentuk penyampaian wahyu daripada Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Pilih jawapan yang **tidak tepat**.
  - A. Melalui mimpi yang benar.
  - B. Melalui malaikat Jibril yang datang dalam rupa seorang lelaki.
  - C. Nabi SAW mendengar kalam di sebalik hijab.
  - D. Wahyu datang dalam bentuk bunyi angin yang kuat.
  
5. Kedatangan malaikat Jibril menyampaikan wahyu kepada Nabi SAW dalam rupa malaikat yang sebenar berlaku sebanyak
  - A. Satu kali.
  - B. Dua kali.
  - C. Tiga kali.
  - D. Empat kali.

6. Pilih pernyataan yang **tidak tepat** mengenai Ilham (Intuisi) sebagai alat pencapai ilmu pengetahuan.
- A. Suatu tanggapan emosi secara langsung yang terbit dalam hati manusia.
  - B. Ilham diperoleh melalui penghayatan terhadap ilmu yang dimiliki.
  - C. Ilham juga dinamakan sebagai ilmu *ladunni*.
  - D. Sesuatu yang diberikan oleh Allah SWT kepada semua hamba-hambanya.
7. Kewajipan mendirikan solat lima waktu tiada perbezaan di antara setiap Muslim yang tinggal di Mekah dan di Russia atau di mana sahaja mereka berada. Ini menggambarkan ciri aksiologi (nilai) Islam yang bersifat
- A. tetap dan tak berubah.
  - B. menyeluruh.
  - C. sarwajagat.
  - D. realistik.
8. Pilih pernyataan yang paling tepat tentang Uruf dan Adat yang menjadi sebahagian daripada sumber hukum dalam Islam.
- A. Sesuatu yang dikenali oleh masyarakat samada perbuatan baik atau buruk.
  - B. Suatu kebiasaan dalam sesebuah masyarakat.
  - C. Menjadi sumber nilai jika tidak terdapat dalil daripada al-Qur'an dan hadis.
  - D. Menjadi sumber nilai yang diakui walaupun terdapat dalil daripada al-Qur'an dan hadis.
9. Mereka yang mati syahid dunia dan akhirat akan diberikan beberapa anugerah khas oleh Allah SWT seperti berikut **kecuali**.
- A. dikahwinkan dengan 72 bidadari syurga.
  - B. diampunkan dosa-dosanya.
  - C. boleh memberi syafa'at kepada kawan-kawannya.
  - D. aman daripada huru-hara di padang mahsyar.
10. Pilih pernyataan yang **benar** menerangkan tentang jihad melawan nafsu.
- A. Jihad yang berterusan dan perlukan ilmu pengetahuan dan latihan.
  - B. Jihad mempertahankan negara dari pencerobohan musuh.
  - C. Jihad dengan menunjukkan rasa marah, tidak rela dan benci.
  - D. Jihad membantu masyarakat melalui bantuan kepada mereka yang memerlukan.

11. Pilih kaedah paling tepat menguruskan jenazah mereka yang mati syahid akhirat.
- A. Dimandikan, dikafankan dan disolatkan jenazahnya.
  - B. Tidak dimandikan, tidak dikafankan dan tidak disolatkan jenazahnya,
  - C. Tidak dimandi dan tidak dikafankan tetapi disolatkan jenazahnya.
  - D. Dimandikan, tidak dikafankan tetapi disolatkan jenazahnya.
- 12.. Tamadun manusia wujud sejak 5,000 tahun lalu di Iraq iaitu di Lembangan
- A. Eupharatus dan Furat.
  - B. Eupharatus dan Tigris.
  - C. Tigris dan Furat.
  - D. Tigris dan Babylon.
13. Tamadun Islam secara jelasnya dicatatkan perberkembangannya sejak peristiwa
- A. kelahiran Nabi Muhammad SAW pada tahun 610 M.
  - B. penurunan wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW.
  - C. peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW ke Yathrib/ Madinah.
  - D. penubuhan negara Islam yang pertama di Madinah.
14. Tamadun Barat dibina berasaskan kepada konsep sekularisme yang berpegang kepada prinsip tamadun dan pembangunan berikut **kecuali**
- A. memisahkan pembangunan manusia dan pembangunan rohani.
  - B. lebih menekankan pembangunan aspek fizikal dan berasaskan eksperimen.
  - C. wujud akibat pertentangan antara golongan intelek dengan ahli agama dan kuasa pemerintah.
  - D. menerima dan memperakui peranan ahli agama dalam membentuk tamadun.
15. Pilih pernyataan yang **salah** tentang aspek perbezaan antara tamadun Islam dan tamadun Barat.
- A. Kesenambungan tamadun Islam berkembang sepanjang zaman.
  - B. Kesenambungan tamadun Barat sentiasa berubah dan mengikut rasional dan ideologi pemimpin tertentu.
  - C. Penekanan tamadun Islam kepada pembangunan modal insan dan kemanusiaan.
  - D. Penekanan tamadun Barat kepada pembangunan masyarakat seimbang rohani dan jasmani.

16. Pilih pernyataan yang tidak menepati prinsip keunikan tamadun Islam yang bersifat Rabbani.
- A. Penekanan aspek pembangunan insan sebagai penggerak ketamadunan manusia.
  - B. Tamadun yang menggabungkan tiga unsur utama iaitu iman, Islam dan ihsan.
  - C. Setiap kemajuan dan kemodenan adalah disandarkan kepada perintah Allah SWT.
  - D. Tamadun yang tidak mempunyai sempadan atau kawasan tertentu.
17. Pilih pernyataan yang menggambarkan proses perkembangan tamadun insani di peringkat Madinah.
- A. Proses pembersihan jiwa daripada segala sifat jahiliah.
  - B. Proses pembersihan jiwa daripada segala krisis akhlak.
  - C. Proses pensyariatkan hukum-hukum muamalat dan kemasyarakatan.
  - D. Proses penerapan akidah tauhid dan pemurnian kepercayaan.
18. Berikut ialah ciri-ciri tamadun Islam sebagai tamadun ummah **kecuali**
- A. Berasaskan kepada kekuatan bangsa Arab.
  - B. Tamadun untuk semua umat manusia.
  - C. Tidak dihadkan kepada keturunan atau bangsa.
  - D. Bersatu atas kalimah tauhid.
19. Al-Qur'an dan Sunnah merupakan dua sumber utama tamadun Islam. Berikut ialah beberapa pendekatan yang digunakan dalam tamadun **kecuali**
- A. arahan dan larangan.
  - B. ramalan masa depan.
  - C. teladan daripada kisah benar.
  - D. arahan dan perintah.
20. Faktor bangsa memainkan peranan sebagai sumber kelahiran tamadun berikut mengikut nama bangsa **kecuali** tamadun
- A. Eropah.
  - B. Greek.
  - C. China.
  - D. Mesir.

21. Tokoh geografi Islam terkenal yang telah mengembara hingga ke Afrika Utara, Lembah Nil, Laut Hitam, Kostantinopel, Granada, India dan China ialah
- A. Ibnu Bajah. C. Abdullah al-Hijari.  
B. Al-Razi. D. Ibnu Batutah.
22. Perbezaan utama di antara seni Islam dengan bukan Islam adalah dari segi
- A. tujuan. C. pelaksanaan.  
B. nilai akhlak. D. tujuan dan nilai akhlak.
23. Pilih pernyataan yang **tidak tepat** dengan kerangka dasar pembangunan seni Islam
- A. meliputi aspek akhlak, iman dan falsafah kehidupan.  
B. proses pendidikan yang bersifat positif.  
C. bersifat amar munkar dan nahi makruf.  
D. menggerakkan semangat dan membentuk rohaniah.
24. Pilih ciri yang bertepatan dengan seni Islam yang berperanan membentuk nilai murni.
- A. Berhibur dan bermegah. C. Membawa ke arah syirik.  
B. Berseronok dan melalaikan. D. Bukan untuk bermegah.
25. Pilih pernyataan yang **tidak menepati** peranan kesenian Islam.
- A. Wadah untuk mencari rezeki.  
B. Meningkatkan keinsafan diri.  
C. Mewujudkan rasa khusyuk.  
D. Ekspresi daya intelek.
26. Pilih unsur dan keadaan di mana hukum kesenian berikut menjadi sunat.
- A. Qasidah atau nasyid Maulidur Rasul SAW beramai-ramai untuk menaikkan semangat penyatuan umat Islam.  
B. Bentuk kegiatan kesenian dan budaya yang tidak ada nas yang melarangnya.  
C. Aktiviti yang berlaku percampuran antara lelaki dengan perempuan bukan mahram.  
D. Kesenian yang diperlukan oleh umat Islam seperti mencantikkan senibina masjid untuk tarikan masyarakat.



**BAHAGIAN B (Jumlah: 20 markah)****ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.****Sila guna buku jawapan yang disediakan.****Soalan 1**

- (a) Nyatakan **empat** kepentingan atau tujuan pembinaan keluarga Islam. (4 markah)
- (b) Kemukakan keadaan yang menyebabkan hukum perkahwinan menjadi Makruh. (3 markah)
- (c) Senaraikan **tiga** hak bersama suami isteri dalam rumahtangga. (3 markah)

**Soalan 2**

- (a) Berikan pengertian dan maksud Pendidikan Islam. (3 markah)
- (b) Terangkan perbezaan konsep *tarbiyyah* dan *ta'lim* yang digunakan dalam Pendidikan Islam. (4 markah)
- (c) Senaraikan **tiga** institusi pengajian dan pendidikan zaman awal Islam. (3 markah)



**BAHAGIAN C (Jumlah: 30 markah)****ARAHAN: Jawab DUA soalan sahaja.****Sila gunakan buku jawapan yang disediakan.****Soalan 1**

Kedatangan penjajah barat ke negara-negara Islam telah meninggalkan beberapa kesan negatif terhadap pemikiran politik melalui idea-idea politik asing yang dibawa oleh penjajah barat yang berasaskan perkembangan sejarah mereka di dunia barat.

Huraikan **konsep** pemerintahan dan pentadbiran dalam Islam serta kemukakan **tiga** prinsip utama yang menjadi asas dalam pemerintahan dan pentadbiran Islam.

(15 markah)

**Soalan 2**

Sejarah membuktikan bahawa manusia sentiasa berusaha mencipta peraturan dan undang-undang menggunakan akal sendiri, namun kemampuan akal yang terbatas serta pengaruh nafsu yang mendorong kepada kelemahan menyebabkan pelbagai kekurangan berlaku.

Huraikan **empat** prinsip dalam pembentukan perundangan Islam sebagaimana terkandung di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah.

(15 markah)

**Soalan 3**

Islam satu-satunya agama yang mempunyai sistem dan panduan lengkap berkaitan dengan urusan ekonomi dan kewangan, antaranya ialah sistem pembiayaan dan gadaian (al-Rahnu).

Bincangkan **perbezaan** di antara konsep pembiayaan dan gadaian (al-Rahnu) dalam Islam.

(15 markah)

**Soalan 4**

Terdapat beberapa salah faham kontemporari (semasa) tentang Islam dalam bentuk pandangan atau persepsi umum. Umat Islam dilabel sebagai terrorisme, fundamentalis, ekstrimisme dan seumpamanya. Agama Islam dituduh sebagai agama penyebab berlakunya pertembungan peradaban abad ke-21 dan tidak relevan dalam mengejar kemajuan semasa.

Huraikan **empat** kaedah terbaik untuk mengatasi salah faham tersebut secara individu atau perseorangan agar umat Islam boleh menjadi model terbaik kepada masyarakat umum.

(15 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**